

18/10/2001

Rakyat jangan keliru taktik Pas: Hamid

Dr Abdul Hamid

MELAKA, Rabu - Umat Islam di negara ini dinasihatkan tidak terkeliru dengan usaha Pas yang berterusan mahukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam di Dewan Rakyat.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman, berkata orang ramai, khususnya rakyat bukan Islam, tidak perlu khuatir kerana Malaysia sudah sememangnya sebuah negara Islam.

Katanya, sejak mencapai kemerdekaan lagi, sistem pentadbiran yang dilaksanakan kerajaan adalah mengikut ciri-ciri Islam sebenar.

Beliau berkata, berdasarkan takrif Syeikh Muhammad Abu Zuhrah, negara Islam adalah negara yang berada di bawah kuasa pemerintahan Islam, iaitu kekuatan dan pertahanannya berada dalam tangan umat Islam.

"Mengikut Muhammad Hasan al-Syaibani, iaitu ulama terkemuka dari mazhab Hanafi pula, negara Islam adalah negara yang dikuasai umat Islam yang mana orang Islam beroleh keamanan di dalamnya," katanya pada majlis ramah mesra bersama pemimpin di pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) cawangan Melaka di bangunan Graha Maju, di sini pagi ini.

Turut hadir, Ketua Eksekutif/Ketua Pengarah LHDN, Datuk Zainol Abidin Abdul Rashid dan Pengarah LHDN negeri, Abdul Latif Abdul Aziz.

Abdul Hamid berkata, dari segi pemerintahan pula, kerajaan sudah melaksanakan 12 tanggungjawab seperti yang digariskan oleh seorang ulama terkemuka, al-Mawardi dari mazhab Syafie.

Beliau berkata, antara tanggungjawab itu ialah mempertahankan agama Islam daripada sebarang pencerobohan fahaman dan ajaran yang boleh memesongkan akidah daripada ajaran Islam sebenar.

"Selain itu, kerajaan juga melantik jemaah menteri, termasuk di kalangan kafir yang menjadi warganegara Islam untuk menjadi menteri bagi melaksanakan dasar-dasar yang dibuat pemerintah Islam," katanya.

Mengenai istilah jihad yang dilaung-laungkan oleh Pas, termasuk mengajak umat Islam membantu puak Taliban di Afghanistan, Abdul Hamid berkata, konsep jihad sebenar dalam Islam ialah memperkukuhkan kedudukan dalam bidang ekonomi dan pendidikan supaya digeruni musuh Islam.

Katanya, tiada gunanya umat Islam negara ini berjuang di sana sedangkan persediaan daripada segi mental, fizikal serta kelengkapan berperang, masih jauh ketinggalan.

Beliau menegaskan, Nabi Muhammad saw sendiri pada awal pengembangan agama Islam, terpaksa berhijrah ke Madinah bagi mengumpul dan memperkukuhkan agama Islam.

(END)